

## **Kerajaan Malaysia selar tindakan Anwar anjur himpunan untuk wujudkan kekacauan**

**Malaysian Insider**

**May 8, 2013**

**Oleh Mohd Farhan Darwis**

KUALA LUMPUR, 8 Mei — Kerajaan Malaysia menyelar kenyataan dan tindakan Datuk Seri Anwar Ibrahim menganjurkan "Perhimpunan Suara Rakyat Suara Keramat" yang bertujuan untuk menimbulkan kekacauan dan perpecahan walaupun Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak sebaliknya menggesa rakyat Malaysia supaya bersatu padu.

Jurucakap kerajaan dalam satu kenyataan hari ini berkata, tindakan Anwar itu hanya mahu mewujudkan suasana kekacauan.

"Anwar perlu mengetepikan politik dan mengutamakan negara," kata kenyataan berkenaan yang dikeluarkan petang tadi.

"Anwar sengaja enggan memohon kebenaran untuk beliau membantah, dan sengaja memilih stadium kecil untuk memastikan ia akan melimpah ke jalan raya. Bantahan itu dikira untuk membuat kekacauan," kata jurucakap kerajaan Malaysia itu lagi.

Pakatan Rakyat (PR) akan menganjurkan himpunan di Stadium Kelana Jaya malam ini sebagai protes terhadap keputusan Pilihan raya Umum ke-13 (PRU 13) yang didakwa Anwar tidak adil dan penuh dengan penipuan.

Kenyataan kerajaan Malaysia sebaliknya berkata PRU 13 yang berlangsung pada 5 Mei lalu adalah bebas dan adil tanpa sebarang insiden tidak diinginkan.

"Namun pembangkang telah menghabiskan masa tiga hari mencari penyelewengan yang didakwa mereka untuk mendapatkan sokongan terhadap teori mereka bahawa pilihan raya tidak dilakukan dengan adil.

"Ia adalah sesuatu yang lazim ... sepanjang tempoh berkempen, Anwar sering mengaburi pengundi apabila mendakwa 40,000 pengundi warga asing diterbangkan untuk mengundi, dan bahawa beliau telah memenangi pilihan raya hanya dua jam selepas tamat tempoh mengundi," kata kenyataan berkenaan.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Ismail Omar menegaskan, perhimpunan yang dirancang pembangkang malam ini merupakan perhimpunan haram berikutan penganjur tidak membuat sebarang permohonan kepada polis dan Ismail berkata, polis akan menahan peserta jika perhimpunan itu tetap diadakan.

"Penganjur perlu mematuhi Akta Perhimpunan Aman 2012 ... kerana tindakan berarak di tempat tertentu tanpa kebenaran bertujuan membangkitkan kemarahan adalah salah disisi undang-undang," katanya dipetik laporan media.

Sementara itu, Ketua Polis Selangor Datuk Tun Hisan Hamzah berkata, tanpa notis 10 hari, pihak polis mengklasifikasikan himpunan tersebut sebagai perhimpunan haram walaupun penganjur telah menerima kebenaran pemilik stadium berkenaan.

"Berdasarkan peruntukan dalam PAA, penganjur perlu mendapat kebenaran 10 hari bagi membolehkan pihak polis mendapatkan maklum balas daripada penduduk setempat dan

koordinasi bagi meletakkan anggota untuk memastikan keselamatan terjaga," kata Tun Hisan.

Stadium Kelana Jaya adalah milik anak syarikat kerajaan Selangor di bawah Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), yang masih dikuasai pembangkang apabila berjaya mengekalkan negeri tersebut dalam Pilihan Raya 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/kerajaan-malaysia-selar-tindakan-anwar-anjur-himpunan-untuk-wujudkan-kekacauan/>